

22 NOV 1997

LAPORAN MINGGUAN INDEKS KOMPOSIT

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Niaga hadapan Indeks Komposit di Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE) dijangka meneruskan pantulan teknikal mengikuti pendasar pasaran tunai, kata JF Apex Futures.

Syarikat itu menyatakan pasaran terlebih jualan sepanjang empat hari lalu dan dijangka pengurangan ketara jualan paksaan besar-besaran akan memberi kelegaan kepada pasaran minggu depan.

Pelabur-pelabur menunggu pembentukan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam Khamis lalu dan ingin melihat bagaimana usaha itu dapat menangani masalah ekonomi ketika ini.

Sepanjang minggu, pasaran tidak menentu berserta dengan aliran menurun berikutan kebimbangan terhadap urus niaga United Engineers (M) Bhd untuk membeli 32.6 peratus pegangan syarikat induknya Renong Bhd.

Pengambilalihan projek Bakun oleh kerajaan daripada Ekran Bhd juga menyumbang kepada penurunan dalam pasaran.

Sepanjang minggu, bulan semerta November jatuh 89.5 mata kepada 572.5, berikutan sentimen menurun di pasaran tunai.

Dis jatuh 94.9 mata kepada 563.3 manakala Mac dan Jun masing-masing ditutup pada 581.5 mata dan 585.5 mata.

Perolehan mingguan meningkat kepada 15,194 lot daripada 6,941 lot sebelumnya manakala kedudukan pembukaan berada pada 9,390 kontrak pada Jumaat daripada 8,949 kontrak pada Khamis. -- BERNAMA

YY ZK